# Utusan Malaysia - Shopee 11.11 Big Sale, Beri Tawaran Tanpa SST

Jumaat, Okt 26 2018

# Shopee 11.11 Big Sale, beri tawaran tanpa SST




Ian Ho (tiga, kanan) pada majlis memeterai perjanjian persefahaman dengan jenama terkemuka terlibat untuk menyerap kos Cukai SST.

22/10/18.

**PLATFORM** e-dagang terbesar Asia Tenggara dan Taiwan, Shopee melancarkan pesta membeli-belah dalam talian nombor satu di rantau ini, Shopee 11.11 Big Sale.

Pengarah Urusan Serantau Shopee, Ian Ho berkata, Shopee 11.11 Big Sale menjanjikan promosi lebih besar secara menerus bermula 25 Oktober hingga 11 November, termasuk tawaran tanpa cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dari pelbagai jenama terkemuka.

"Acara kali ini menampilkan lebih 100 jenama dan 15,000 penjual dengan kerjasama antaranya L'Oreal, Universal Traveller, Siti Khadijah, Vivo, Tefal dan Maybelline untuk menyerap kos SST bagi lebih 1,000 produk.

"Ia sekali gus membolehkan pengguna merasai penjimatan apabila beli-belah pada Hari Bujang (Single's Day) dan akhir tahun," katanya.

Bagi acara kali ini, Shopee turut tawarkan syiling Shopee bernilai RM1.1 juta yang boleh dimenangi menerusi permainan dalam aplikasi Shopee Shake.

Lebih menarik, pelbagai jenama seperti Watsons, Mr DIY, Procter & Gamble, Nestle, NYX, Petpet turut tawar penghantaran percuma dengan perbelanjaan minimum RM11.

Pada majlis pelancaran itu, Shopee turut membawakan acara Shopee 11.11 Kuala Lumpur Fashion WeekRunway Night melibatkan beberapa jenama terkenal.

Pekeliling Perbendaharaan

Undian

BISNES AGENSI WARGA

## Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro
- e-Penyertaan & Maklumbalas
- Statistik & Prestasi
- Pautan
- Agensi

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

03-8000 8000
03-88823893 / 03-88823894
pro[at]treasury[dot]gov[dot]my

**© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**
Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.
Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**